

## PERANAN GURU PENDIDIKAN ISLAM SEBAGAI MUZAKKI: SUATU TINJAUAN DARI PERSPEKTIF AL-QUR'AN

Nur Farah Syahirah Nazim<sup>1</sup> & Abdul Muhsien Sulaiman<sup>2</sup>

### ABSTRACT

This paper explains the role of Islamic Education teachers as muzakki. Muzakki is a term that is rarely used in the field of education. The term does not state distinctly in the Qur'an. However, it can be explained through research done on verses that discuss on the theme of tazkiyyah. Further study is carried out qualitatively by using the method of content analysis on the four books of tafsir, namely Tafsir Ibn Kathir, Tafsir Fi Zilalil Qur'an, Tafsir al-Azhar and Tafsir al-Munir. The analysis was conducted specifically on the wayuzakkikum phrase found in verse 151 of surah al-Baqarah and also the wayuzakkihim phrase on surah al-Baqarah verse 129, surah al-Imran verse 164 and surah al-Jumu'ah verse 2. The data obtained was analyzed descriptively to form a concept of muzakki and further adapt with the role of Islamic Education teachers nowadays. The results of this study found that the concept of muzakki extracted from all the tafsir books are including the role of tazkiyyah iktiqadiyyah, tazkiyyah ruhiyyah, tazkiyyah akhlaqiyyah and tazkiyyah jasadiyyah.

**Keywords:** *Islamic Education Teacher, Tazkiyyah, Muzakki*

(1)  
Institut Pengajian Termaju,  
Universiti Malaya  
*syahirahnazim1993@gmail.com*

(2)  
Jabatan Asas Pendidikan &  
Kemanusiaan,  
Fakulti Pendidikan,  
Universiti Malaya

## PENDAHULUAN

*Muzakki* bukanlah suatu istilah yang baru. Ia lazim disebut dalam bidang fiqh bagi merujuk golongan yang diwajibkan mengeluarkan zakat bagi tujuan menyucikan harta yang mereka miliki (Khalifah Muhamad Ali, Zulkarnain Muhammad Ali, Shofian Ahmad & Mat Noor Mat Zain, 2017). Akan tetapi, dalam bidang pendidikan, istilah *muzakki* sangat jarang digunakan (Abuddin Nata, 2010) bagi menggambarkan peranan yang perlu dijalankan oleh guru Pendidikan Islam (GPI). Tidak dinafikan, mungkin ada yang beranggapan bahawa peranan GPI yang sedia dipopularkan melalui akronim 5 mim iaitu *muaddib*, *murabbi*, *mursyid*, *mua'llim* dan *mudarris* (Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri, 2007; Habibah @ Artini Ramlie & Zaharah Hussin, 2014) sudah merangkumi peranan *muzakki* tanpa adanya keperluan untuk diperkenalkan suatu konsep yang khusus mengenainya.

Namun begitu, jika disoroti asas kepada pengenalan istilah 5 mim berkenaan, tidak semuanya disandarkan secara langsung kepada ayat al-Qur'an atau hadis yang menceritakan tentang taklifan yang dipertanggungjawabkan kepada Nabi Muhammad S.A.W. selaku pendidik terulung bagi ummat ini. Sebagai contoh, sebuah potongan hadis sepetimana berikut sering dirujuk bagi mengupas konsep tentang *muaddib*:

أَدْبَنِي رَبِّي فَأَحْسِنْ تَأْدِيبِي

“Allah sendiri yang telah mendidikku, oleh kerana itulah aku mendapat pendidikan yang paling sempurna”

(Hadis Riwayat Ibn Mas'ud : 406)

*Addaba* (آذَبَ) adalah akar kata yang membentuk istilah *mu'addib*. Perkataan *addaba* dalam hadis ini merujuk kepada kesempurnaan didikan (*ta'dib*) yang telah diterima oleh baginda Nabi Muhammad s.a.w. dari Allah s.w.t. Dalam hadis ini, Allah yang Maha Agung adalah pelaku yang menjalankan tugas mendidik adab dan akhlak (*muaddib*) buat baginda Rasulullah s.a.w. Memetik contoh bagi *murabbi* pula, ayat 24 dari surah al-Isra' lazim dikaitkan:

“Dan hendaklah engkau merendah diri kepada keduanya kerana belas kasihan dan kasih sayangmu, dan doakanlah (untuk mereka, dengan berkata): "Wahai Tuhanku! Cucurilah rahmat kepada mereka berdua sebagaimana mereka telah mencerahkan kasih sayangnya memelihara dan mendidikku semasa kecil”

Jika diteliti pada ayat ini, kasih sayang yang dicurahkan oleh ibu bapa dalam proses membesarkan serta mendidik anak disandarkan kepada satu kalimah sahaja iaitu *rabba* (رَبُّ). Justeru, difahami bahawa, pelaku yang memberi didikan dengan penuh kasih sayang digelar sebagai *murabbi*. Mengambil contoh istilah *mursyid* pula, ia hakikatnya tidak disandarkan secara langsung kepada mana-mana ayat al-Qur'an atau hadis, sebaliknya ia terbina melalui kupasan linguistik Arab pada rangkai kata *rasyada* (رَشَدَ), *yarsyudu* (يَرْشُدُ), *rusydan* (رُشِدًا) yang membawa maksud petunjuk (*Al-Mu'jam al-'Arabiyy al-Malayuwi al-Kabir*, 2006) yang berbentuk kebaikan sama ada kebaikan di dalam urusan dunia maupun urusan akhirat (M. Quraish Shihab, 2002). Maka, golongan yang membimbangi orang lain ke arah kebaikan digelar sebagai *mursyid*.

Berdasarkan contoh-contoh yang telah dikemukakan, didapati bahawa istilah yang merujuk kepada peranan guru Pendidikan Islam seperti *muaddib* (mendidik adab), *murabbi* (mendidik dengan kasih sayang) dan *mursyid* (membimbangi kepada kebaikan) tidaklah berpandukan secara langsung kepada tugas Rasulullah s.a.w sepetimana yang disebut dalam al-Qur'an. Akan tetapi, terma-terma ini dibentuk berdasarkan kajian mendalam dari sudut linguistik terhadap perkataan yang berasal dari bahasa Arab. Hal ini bukanlah menjadi suatu kesalahan, akan tetapi menjadi sedikit ralat buat pengkaji jika GPI yang bidang pengajarannya sangat rapat dengan penggunaan al-Qur'an (Siti Rashidah Abd Razak, Haslina Hamzah & Zetty Nurzuliana, 2016), tidak mendapat pendedahan mengenai suatu frasa dari kitab suci tersebut yang menyebut secara jelas tentang peranan yang dimainkan oleh baginda Nabi Muhammad s.a.w. ketika awal pengutusannya iaitu sebagai agen yang menyucikan (*tazkiyyah*) diri manusia (Wahbah Az-Zuhaili, 2013; Abdul Malik Abdul Karim Amrullah, 2012; Sayyid Qutb, 2010 & Abdullah Muhammad, 2004).

Lebih mudah, ia disebut sebagai *muzakki*. Selain memberi pendedahan mengenai istilah dan konsep berkenaan *muzakki*, kajian ini berhasrat untuk menyuntik semula kesedaran buat GPI agar kembali meneladani cara Rasulullah s.a.w. dalam konteks mendepani isu murid pada masa kini dengan mengutamakan aspek penyucian jiwa dan akhlak berbanding pembangunan intelektual murid semata-mata. *Muzakki* merupakan kata pelaku (isim fa'il) kepada perkataan *tazkiyah*. *Tazkiyah* berasal dari kata akar *zakka* (زَكَّى), *yuzakki* (يُزَكِّي), *tazkiyatan* (تَزْكِيَةً) yang membawa maksud membaiki serta mensucikan (Al-Mu'jam Al-A'rabi Al-Malayuwi Al-Kabir, 2006). Berdasarkan Al-Kamus Al-Munjid karangan Syihabuddin Abu Amru (2003), *tazkiyah* adalah sinonim kepada perkataan *aslahahu* (أَصْلَحَهُ) dan juga *tohhara* (طَهَرَهُ) yang membawa erti membersihkan serta menghapuskan keburukan. Oleh yang demikian, dapat difahami bahawa *muzakki* adalah pelaku yang membersihkan sesuatu agar ianya suci dari sebarang kekotoran. Di dalam al-Quran, tidak terdapat ketetapan secara khusus berkenaan istilah *muzakki*. Namun begitu, ada beberapa ayat di dalam kitab suci tersebut yang membawa tema *tazkiyyah* melalui frasa *wayuzakkikum* dan frasa *wayuzakkihim*. Justeru, artikel ini mempunyai tujuan untuk mengkaji tafsiran di sebalik kedua-dua frasa berkenaan dan seterusnya membentuk sebuah konsep mengenai *muzakki*.

## METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang menggunakan pendekatan analisis kandungan. Sumber data diperolehi melalui penelitian terhadap empat buah kitab tafsir iaitu Tafsir Ibn Kathir (Abdullah Muhammad, 2004), Tafsir Fi Zilalil Qur'an (Sayyid Qutb, 2010), Tafsir al-Azhar (Hamka, 2012) dan Tafsir al-Munir (Wahbah Az-Zuhaili, 2013). Asas pemilihan keempat-empat kitab tafsir ini disandarkan kepada perbezaan dari segi latar masa tafsir tersebut diterbitkan dan juga manhaj yang digunakan oleh para *mufassir* dalam kitab masing-masing.

Ibn Kathir atau nama sebenarnya Imad al-Din Abu al-Fida' al-Qurayshi al-Dimashqi Ibn Kathir (700-774 H) adalah pengarang kepada Tafsir Ibn Kathir. Tafsir ini turut masyhur dengan panggilan *Tafsir al-Qur'an al-'Adzim* (Maliki, 2018). Ibn Kathir merupakan *mufassir* yang hidup di abad pertengahan iaitu sekitar abad ke 8H/15M. Dari keempat-empat tafsir yang dipilih dalam kajian ini, tafsir Ibn Kathir dikategorikan sebagai tafsir yang paling klasik. Dalam menghasilkan tafsir ini, Ibn Kathir dilihat lebih selesa menggunakan manhaj tafsir *bil ma'thur* iaitu tafsiran al-Qur'an dengan al-Qur'an, tafsiran al-Qur'an dengan hadis serta tafsiran al-Qur'an dengan ijithad para sahabat dan tabi'in.

Tafsir Fi Zilalil Qur'an pula adalah sebuah karya yang dihasilkan oleh Sayyid Qutb. Sayyid Qutb merupakan seorang pejuang Islam yang utuh dengan semangat jihadnya dalam mempertahankan Islam. Pemikirannya disifatkan sebagai haraki lantaran beliau hidup di era Revolusi Mesir. Uniknya, beliau menukilkan tafsir Fi Zilalil Qur'an sewaktu beliau dipenjarakan. Edisi pertama tafsir Fi Zilalil Qur'an telah diterbitkan sekitar penghujung tahun 50 an, menjelang tahun 60 an. Dari segi manhaj penafsiran kitab ini, Sayyid Qutb menggunakan dua jenis pendekatan iaitu *tafsir bil ma'thur* (riwayat) dan juga *tafsir bil ra'y* (akal).

HAMKA atau nama sebenarnya Haji Abdul Malik bin Abdul Karim Amrullah adalah pengarang kepada tafsir Al-Azhar. Berbeza dengan *mufassir* lain yang berasal dari Timur Tengah, HAMKA merupakan satu-satunya ulamak tafsir dari nusantara. Beliau berasal dari Sumatra Barat, Indonesia. Oleh yang demikian, bahasa perantara yang digunakan dalam tafsir Al-Azhar adalah bahasa Indonesia, berlainan dengan tafsir lain yang menggunakan medium bahasa Arab. Tafsir ini diterbitkan pada tahun 1967 dan dikategorikan sebagai tafsir yang agak moden. Dalam tafsir Al-Azhar, HAMKA menggunakan manhaj *tafsir bi al-Iqtiran* iaitu gabungan antara *tafsir bil ma'thur* (riwayat) dan juga *tafsir bil ra'y* (akal). Kedua-dua manhaj ini disesuaikan oleh HAMKA dengan contoh-contoh yang sarat dengan nuansa nusantara. Hal ini menyebabkan, tafsir Al-Azhar lebih mudah difahami dan dekat dihati masyarakat di kepulauan Melayu.

Tafsir Al-Munir pula diterbitkan pada tahun 1991 oleh seorang ilmuwan yang berasal dari Syria iaitu Dr Wahbah Az-Zuhaili. Dalam kitab ini, Wahbah Az-Zuhaili menggunakan manhaj *maudhu'iy* iaitu menafsirkan ayat-ayat al-Qur'an yang dikumpulkan dalam tema-tema tertentu (tematik). Di samping itu, turut dirincikan *asbabun nuzul* ayat, *qiraat*, *i'rab*, *balaghah* dan *mufradat lughawiyyah* bagi memberi penjelasan yang lengkap dan menyeluruh terhadap tema ayat yang ditafsirkan. Tafsir Al-Munir dikategorikan sebagai tafsir kontemporari kerana mencakupi perbahasan-perbahasan yang penting dalam al-Qur'an, disusun dengan sistematik dan diulas bersesuaian dengan keperluan masyarakat pada masa kini.

Berdasarkanuraian yang telah dikemukakan, dapat dilihat bahawa keempat-empat buah kitab tafsir yang dipilih mempunyai keistimewaan yang tersendiri. Kelainan yang dibawakan oleh setiap satu kitab tafsir tersebut secara tidak langsung memberi peluang kepada penafsiran dari pelbagai perspektif dan membuka ruang kepada konteks perbahasan yang lebih luas dan mendalam. Untuk tujuan kajian ini, unit analisis yang ingin diterokai dari Tafsir Ibn Kathir, Tafsir Fi Zilalil Qur'an, Tafsir al-Azhar serta Tafsir al-Munir adalah frasa *wayuzakkikum* (وَيُزَكِّيكُمْ) dan juga frasa *wayuzakkihim* (وَيُزَكِّيهِمْ) yang terdapat dalam al-Qur'an. Data yang terkumpul dari tafsiran frasa-frasa tersebut akan dianalisis secara deskriptif bagi membentuk sebuah konsep muzakki dan seterusnya menyesuaikan konsep berkenaan dengan peranan guru Pendidikan Islam pada masa kini.

## HASIL KAJIAN

Berdasarkan analisis, terdapat 1 ayat dalam al-Qur'an yang mengandungi frasa *wayuzakkikum* (وَيُزَكِّيكُمْ) yang bererti 'membersihkan kamu' iaitu pada ayat 151 dari surah al-Baqarah. Manakala terdapat 3 ayat yang membawa maksud 'membersihkan mereka' dengan diwakili frasa *wayuzakkihim* (وَيُزَكِّيهِمْ) iaitu pada surah al-Baqarah ayat 129, surah al-'Imran ayat 164 dan juga ayat kedua dari surah al-Jumu'ah. Berikut merupakan maksud secara umum bagi setiap ayat yang telah dinyatakan :

"Wahai Tuhan Kami! Utuslah kepada mereka seorang Rasul dari kalangan mereka sendiri, yang akan membacakan kepada mereka ayat-ayat (firmanMu) dan mengajarkan mereka isi kandungan Kitab (Al-Quran) serta Hikmat kebijaksanaan dan membersihkan (hati dan jiwa) mereka (dari syirik dan maksiat). Sesungguhnya Engkaulah yang Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana".

(Al Baqarah : 129)

"(Nikmat berkiblatkan Kaabah yang Kami berikan kepada kamu itu), samalah seperti (nikmat) Kami mengutuskan kepada kamu seorang Rasul dari kalangan kamu (iaitu Muhammad), yang membacakan ayat-ayat Kami kepada kamu, dan membersihkan kamu (dari amalan syirik dan maksiat), dan yang mengajarkan kamu kandungan Kitab (Al-Quran) serta Hikmat kebijaksanaan, dan mengajarkan kamu apa yang belum kamu ketahui."

(Al-Baqarah : 151)

"Sesungguhnya Allah telah mengurniakan (rahmatNya) kepada orang-orang yang beriman, setelah Ia mengutuskan dalam kalangan mereka seorang Rasul dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (kandungan Al-Quran yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajar mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum Syariat). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata."

(Al-'Imran : 164)

"Dia lah yang telah mengutuskan dalam kalangan orang-orang (Arab) yang Ummiyin, seorang Rasul (Nabi Muhammad s.a.w) dari bangsa mereka sendiri, yang membacakan kepada mereka ayat-ayat Allah (yang membuktikan keesaan Allah dan kekuasaanNya), dan membersihkan mereka (dari iktiqad yang sesat), serta mengajar mereka Kitab Allah (Al-Quran) dan Hikmah (pengetahuan yang mendalam mengenai hukum-hukum syarak). Dan sesungguhnya mereka sebelum (kedatangan Nabi Muhammad) itu adalah dalam kesesatan yang nyata."

(Al-Jumu'ah : 2)

Jika diteliti pada struktur ayat 129 surah al-Baqarah, tugas mengajar (*ta'lim*) yang diwakili frasa *wayu'alimuhum* (وَيُعَلِّمُهُمْ) adalah mendahului tugas membersihkan (*tazkiyyah*) yang dinukil dengan frasa *wayuzakkihim* (وَيُزَكِّيهِمْ). Akan tetapi, pada ayat 151 surah yang sama, ayat 164 dari surah al-'Imran dan ayat kedua dalam surah al-Jumu'ah, tugas 'membersihkan' (تَزْكِيَةٌ) mendepani tugas 'mengajarkan' (تَعْلِيمٌ). Namun begitu, keempat-empat ayat di atas mempunyai intipati yang hampir sama meskipun istilah yang digunakan bagi menggambarkan

maksud ‘membersihkan’ agak sedikit berbeza dari segi penggunaan kata ganti nama *wayuzakkikum* dan juga *wayuzakkihim*.

Kesemua ayat ini mengisahkan tentang doa yang dipinta oleh Nabi Ibrahim a.s. ketika beliau membina tapak asas Baitullah bersama anaknya Nabi Ismail a.s. (Sayyid Qutb, 2010). Kedua mereka memohon agar Allah s.w.t. mengutuskan seorang rasul dari jalur keturunan mereka (Wahbah Az-Zuhaili, 2013; Hamka, 2012; Sayyid Qutb, 2010 & Abdullah Muhammad, 2004) bertujuan untuk mengajarkan generasi terkemudian dengan ayat-ayat suci Al-Qur'an dan seterusnya membersihkan mereka dari dosa dan kemaksiatan. Selang berabad lamanya dari waktu doa tersebut dipanjatkan, Allah s.w.t. yang Maha Bijaksana akhirnya telah memperkenankan doa Nabi Ibrahim a.s. dengan pengutusan seorang rasul dari keturunan beliau sendiri yang dimuliakan dengan nama Muhammad s.a.w.

Pengutusan baginda Nabi Muhammad s.a.w. merupakan suatu nikmat yang sangat berharga (Wahbah Az-Zuhaili, 2013 & Hamka, 2010) lantaran masyarakat pada ketika itu sudah terlalu tenat bergelumang dalam arus kejihilan dan kesesatan. Oleh yang demikian, baginda datang bersama risalah yang agung untuk menyucikan kekotoran (Wahbah Az-Zuhaili, 2013; Hamka, 2012; Sayyid Qutb, 2010 & Abdullah Muhammad, 2004) yang menyelimuti generasi pada masa tersebut dan seterusnya membimbing mereka ke arah jalan kebenaran yang direhui Allah s.w.t. Sebagai nabi yang terakhir diutuskan, segala bimbingan yang diajar oleh baginda suatu masa dulu tidak terhenti untuk diaplikasikan oleh masyarakat pada waktu tersebut sahaja, bahkan ianya terpakai untuk kegunaan seluruh ummat manusia sehingga ke hari kiamat.

Hasil dari penelitian secara khusus terhadap frasa *wayuzakkikum* dan *wayuzakkihim* dari Tafsir Ibn Kathir, Tafsir Fi Zilalil Qur'an, Tafsir al-Azhar dan Tafsir al-Munir, didapati terdapat beberapa aspek *tazkiyyah* yang dilakukan oleh Rasulullah s.a.w selaku *muzakki* bagi generasi Jahiliyyah di zaman baginda. Aspek-aspek tersebut ditemakan sebagaimana berikut :

### 1) *Tazkiyah l'tiqadiyyah*

Dari segi *mufraadaat lughawiyyah*, frasa *wayuzakkikum* dan *wayuzakkihim* membawa makna membersihkan dari segala bentuk iktiqad sesat yang diamalkan oleh kaum Jahiliyyah suatu ketika dulu (Wahbah Az-Zuhaili, 2013). Menurut Hamka (2012) pula, kedua-dua frasa tersebut merujuk kepada tugas Rasulullah s.a.w. dalam menyucikan aqidah manusia yang telah terpesong dek kerana kepercayaan karut yang telah sebat dalam diri mereka yang impaknya telah menyebabkan manusia berada di dalam kesesatan dan jauh dari Allah s.w.t. Antara bentuk kesesatan yang berlaku adalah mengimani unsur paganisme seperti mengakui berhala sebagai tuhan, mempercayai sesuatu patung mempunyai kekuatan dan pengaruh tertentu serta memegang teguh kepada ramalan yang dilakukan oleh tukang tilik (Wahbah Az-Zuhaili, 2013 & Hamka, 2012). Kesemua ini adalah amalan khurafat yang membawa kepada kesyirikan dan dosa. Oleh kerana itu, baginda Nabi Muhammad s.a.w. hadir sebagai penyelamat dan penyuluh cahaya bagi kehidupan manusia yang sebelum ini gelap kerana kekufuran (Abdullah Muhammad, 2004).

### 2) *Tazkiyyah Ruhiiyyah*

Dalam Tafsir Ibn Kathir, Abdullah Muhammad (2004) merujuk kalimah *wayuzakkihim* kepada menyucikan jiwa dari segala jenis penyakit hati yang menjurus kepada sifat mazmumah. Hamka (2012) dalam Tafsir Al-Azhar pula menukarkan contoh penyakit tersebut, antaranya seperti bakhil, hasad, dengki, ‘ujub, riyak dan takabbur. Sayyid Qutb (2010) pula mempunyai pandangan yang lebih mendalam berkaitan hal ini. Dalam Tafsir Fi Zilalil Qur'an, beliau menjelaskan bahawa tujuan Rasulullah s.a.w. diutuskan adalah untuk membersihkan manusia dari gejolak nafsu yang melampaui batas sehingga menyebabkan manusia terjerumus kepada nafsu haiwaniyyah. Nafsu haiwaniyyah sememangnya wujud dalam diri setiap manusia. Namun begitu, ia hanya berada pada tingkatan yang kecil kerana secara fitrahnya manusia lebih didominasi oleh nafsu insaniyyah. Akan tetapi, jika nafsu haiwaniyyah dibiarkan menguasai jiwa manusia, ia mampu menyebabkan manusia hilang pertimbangan diri dan mula bertindak melangkaui fitrahnya yang sebenar.

### 3) *Tazkiyah Akhlaqiyah*

Wahbah Az-Zuhaili (2013) dan Abdullah Muhammad (2004) menjelaskan, antara aspek penyucian yang menjadi salah satu peranan Nabi Muhammad s.a.w. ialah untuk menyucikan manusia dari segala tingkah laku buruk dan kegiatan Jahiliyyah. Tidak terhad kepada memulihkan akhlak individu semata-mata, akan tetapi akhlak sesama ahli keluarga dan juga akhlak dengan anggota masyarakat turut menjadi keutamaan (Sayyid Qutb, 2010) dalam bidang tugas Rasulullah s.a.w. sebagai *muzakki*. Segala peraturan, adat resam serta tradisi tidak wajar yang diwarisi bangsa Arab dari nenek moyang mereka sejak zaman-berzaman sedaya mungkin dihapuskan agar manusia dapat hidup dalam suasana yang aman dan harmonis. Dalam Tafsir Al Munir, dinukilkan contoh ketidakwajaran yang berlaku dalam institusi kekeluargaan berasaskan budaya Jahiliyyah seperti menguburkan anak perempuan hidup-hidup kerana anak perempuan disifatkan sebagai suatu kehinaan bagi keluarga yang memilikiinya. Bukan itu sahaja, ada juga yang membunuh anak-anak dengan tujuan untuk meringankan kos sara hidup. Dalam aspek kemasyarakatan pula, dinyatakan beberapa contoh perlakuan melampaui batas yang dilakukan oleh anggota masyarakat seperti menjalankan perniagaan yang mengandungi unsur riba, merampas harta orang lain sesuka hati dan juga menumpahkan darah hanya disebabkan hal yang remeh-temeh (Wahbah Az-Zuhaili, 2013). Semua perbuatan ini merupakan amalan yang mencemarkan ketamadunan manusia (Sayyid Qutb, 2010). Oleh yang demikian, Rasulullah s.a.w. diutuskan untuk membersihkan kehidupan manusia dengan cara menyeru mereka kepada perkara makruf dan menghalang mereka dari berterusan melakukan kemungkaran (Sayyid Qutb, 2010 & Abdullah Muhammad, 2004).

### 4) *Tazkiyyah Jasadiyyah*

Dari empat kitab tafsir yang diteliti, hanya Tafsir Al-Azhar yang menambah tafsiran pembersihan pada aspek luaran atau disebut juga sebagai jasmani. Menurut Hamka (2012), jasmani disucikan dengan cara mengajarkan manusia yang berhadas kecil untuk membersihkan anggota tertentu sebelum mengerjakan solat. Tidak lain tidak bukan, tatacara tersebut merujuk kepada wuduk. Bagi mereka yang berhadas besar pula, diajarkan tatacara mandi wajib agar seluruh tubuh dapat dibersihkan. Pembersihan dari sudut jasmani yang dituntut bukanlah pada aspek menghilangkan kotoran pada tubuh badan semata-mata, akan tetapi berhias diri, berwangi-wangian bahkan juga bersugi sebelum menunaikan solat juga turut dianjurkan. Kesemua ini diajar oleh Rasulullah s.a.w. kerana sebelum kedatangan baginda, manusia jahil tentang kebersihan dan tidak cakna dengan penampilan diri.

## PERBINCANGAN

Berdasarkan tafsiran, ditemukan bahawa Rasulullah s.a.w. adalah *muzakki* yang menyucikan ummah dari kekotoran dan keburukan dari segi kepercayaan (iktiqadiyyah), jiwa (ruhiyyah), tingkah laku (*akhlaqiyah*) dan juga fizikal (jasadiyyah). Meskipun zaman silih berganti usai kewafatan baginda Nabi Muhammad s.a.w., namun misi yang dibawakan oleh *muzakki* terulung itu belum bernoktah. Sebagai pewaris tugas dakwah baginda, GPI dilihat wajar mengambil inspirasi dari aspek *tazkiyyah* rasul untuk diadaptasikan dalam konteks pendidikan masa kini khasnya dalam menangani isu murid. Jika dahulu, baginda nabi diutuskan sebagai *muzakki* kepada kaum Jahiliyyah, kini GPI pula ditaklifkan sebagai *muzakki* untuk ‘menyucikan’ murid yang telah hanyut dalam arus modernisasi.

### 1) *Tazkiyyah I'tiqadiyyah*

Iman merupakan nikmat terbesar yang dimiliki oleh umat Islam pada masa kini. Namun begitu, tanpa disedari umat Islam menjadi sasaran kepada musuh-musuhnya yang sentiasa berkeinginan untuk meruntuhkan benteng keimanan tersebut. Jika iman berjaya ditundukkan, maka kepercayaan umat akan menjadi goyah, amal ibadah akan mula diabaikan dan syariat Islam akan dipinggirkkan satu persatu. Meskipun zaman ini bukanlah zaman jahiliyyah di mana tiada lagi serangan dalam bentuk perperangan, sebaliknya zaman ini jauh lebih berbahaya kerana terdedah dengan risiko serangan ideologi yang dibawa oleh barat menerusi media sosial dan media elektronik (Mohd Aizam Mas'od, 2012). Kesemua ini tidak lain tidak bukan adalah bertujuan untuk menghancurkan iman umat Islam khasnya generasi muda. Dalam konteks murid sekolah, tidak dinafikan ramai dalam kalangan mereka memiliki gajet dan telefon bimbit sendiri. Justeru hal ini menyebabkan murid lebih mudah dipengaruhi oleh ideologi barat sewaktu melayari pelbagai bentuk aplikasi di media sosial. Di kala usia

yang masih belum matang, murid yang rapuh imannya pasti mudah terikut dengan idea pemikiran yang tidak wajar. Jika pemikiran murid mula dieksplorasi, iman mereka akan mula melemah, kepercayaan mereka akan mula menggoyah dan amal ibadah mereka akan mula dilalaikan. Sebagai *muzakki*, disini GPI perlu memainkan peranan dalam *tazkiyyah iktiqadiyyah* murid. GPI seharusnya menyedari bahawa tugas mereka tidak terbatas kepada pengajaran mengikut silibus semata-mata bahkan yang lebih penting adalah menanam rasa cinta dalam diri murid terhadap agama Islam (Azman Wan Chik, 1987). GPI juga perlu menguasai dalil-dalil *naqliyyah* dan *'aqliyyah* (Abdul Majid, 2008) agar GPI mampu menangkis segala bentuk keraguan yang diutarakan oleh murid. Melalui cara inilah, murid akan lebih jelas kefahamannya terhadap Islam (Ahmad Rejab, 2001), lebih cinta terhadap agama dan sekaligus terhindar dari noda dan anasir barat yang cuba didoktrin dalam diri mereka.

## 2) *Tazkiyyah Ruhiyah*

Ibn Qayyim (2001) berpandangan, jiwa yang rosak akan menyebabkan timbulnya pelbagai jenis penyakit hati. Dari hati yang sakit, pemikiran pula akan terjejas. Tidak dinafikan, penyakit hati adalah suatu bentuk kekotoran yang tidak dapat dilihat melalui mata kasar. Akan tetapi, jiwa murid yang tidak sihat dapat dilihat melalui akhlak yang ditonjolkan oleh mereka. Bagi menjayakan misi *tazkiyyah ruhiyyah*, GPI berperanan untuk memurnikan jiwa murid dari segala bentuk keburukan. Dalam masa yang sama, GPI juga perlu membangunkan diri murid agar kembali suci seperti fitrah asalnya (Abdul Rahman Nahlawi, 1983). *Tazkiyyah ruhiyyah* boleh dilakukan dengan cara GPI menyelitkan elemen iman dan tauhid dalam proses penyampaian ilmu agar kelak murid bukan sahaja mendapat pengetahuan baru, bahkan mereka juga dapat lebih menghayati hakikat mereka diciptakan sebagai khalifah di muka bumi ini. Di samping itu, *tazkiyyah ruhiyyah* juga boleh dilakukan dengan beberapa cara lain. Antaranya ialah dengan cara GPI mengajak murid untuk sentiasa mengamalkan zikir, membaca al-Qur'an serta bertafakkur sejenak dengan melihat keindahan alam (al-Ghazali, 1982). Kesemua cara ini sangat ringkas dan mudah akan tetapi impaknya sangat besar pada jiwa murid yang menghayatinya. Menurut Ibn Miskawayh (1961), kesan jiwa yang telah bersih dari segala penyakit hati dan nilai-nilai negatif dilihat dari tingkah laku positif yang dizahirkan oleh seseorang. Oleh yang demikian, GPI perlu terus konsisten dalam memainkan peranan sebagai *muzakki* kepada jiwa murid.

## 3) *Tazkiyah Akhlaqiyah*

Saban waktu, masyarakat kita disajikan dengan berita mengenai keruntuhan akhlak yang berlaku dalam kalangan remaja di Malaysia (Mohamed Hamdan Abdullah, Fariza Md Sham & A'dawiyah Ismail, 2017). Apa yang membimbangkan ialah fenomena ini telah menunjukkan trend peningkatan secara drastik membabitkan remaja Melayu beragama Islam yang masih menuntut di sekolah menengah (Noor Hafizah Mohd Haridi, 2016). Menurut Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim (2017), krisis akhlak murid yang berlaku ini mempunyai kaitan rapat dengan cabaran yang perlu ditangani oleh GPI. Bagi memulihkan keadaan ini, *tazkiyyah akhlaqiyah* perlu dilakukan melalui kaedah guru menjadi suri teladan buat murid. Dalam erti kata lain, GPI perlu terlebih dahulu menonjolkan akhlak dan sikap yang baik di hadapan murid. Dalam konteks sekolah, masa guru banyak diluangkan bersama murid. Sebagai figura terdekat merangkap ibu bapa kedua bagi murid, segala tindak tanduk guru yang merangkumi cara berinteraksi, pembawaan diri serta tutur kata yang dilantunkan oleh mereka sangat mudah untuk diperhatikan dan dinilai oleh murid. Oleh sebab itu, keperibadian yang ditonjolkan oleh guru mudah untuk ditiru dan dijadikan sebagai 'model' bagi murid (Zawati Awang, 2010). Berdasarkan kajian yang dijalankan oleh Zaharah Hussin (2005), beliau telah menemukan bahawa keunggulan peribadi guru mampu memberikan impak yang mendalam terutamanya dalam mendorong murid untuk mencontohi serta mengamalkan sahsiah terpuji dalam kehidupan seharian. Dalam hal ini, jelas menunjukkan bahawa murid cenderung untuk meneladani unsur yang baik sekiranya guru mempamerkan akhlak yang sewajarnya.

## 4) *Tazkiyah Jasadiyyah*


Berdasarkan analisis, pembersihan dari sudut fizikal diutarakan oleh Hamka (2012) berkenaan tatacara menjaga kebersihan diri yang diajarkan oleh baginda Nabi Muhammad s.a.w. kepada ummat yang jahil. Merefleks konteks *tazkiyyah jasadiyyah* ke dalam suasana pendidikan hari ini, tidak dinafikan tiada persamaan ditemukan berikut murid pada hari ini sudah mengetahui tatacara membersihkan diri seperti bersugi, mandi dan berwuduk. Akan

tetapi, *tazkiyyah jasadiyyah* boleh dilihat dalam konteks yang lebih besar melibatkan penampilan diri murid khasnya dalam isu menutup aurat.

Berdasarkan pemerhatian yang dilakukan oleh Muhamad Zahiri Awang Mat, Zariah Zakaria Zabariah Ahmad & Siti Salwa Md. Sawari (2017) ke atas responden murid perempuan tahun enam, didapati murid masih belum mempunyai pemahaman yang jelas tentang aurat. Ini kerana, terdapat segelintir murid yang memakai tudung hanya ketika subjek Pendidikan Islam diajarkan. Ketika menjalankan kegiatan ko-kurikulum atau menyertai pendidikan jasmani, murid perempuan dilihat lebih selesa berbau sukan lengan pendek, berseluar ‘tight’ dan tentu sekali tidak bertudung. Hal seumpama ini menuntut GPI menjalankan peranan mereka sebagai *muzakki* dalam aspek *jasadiyyah* murid.

Antara usaha yang dicadangkan oleh Muhamad Zahiri Awang Mat, Zariah Zakaria Zabariah Ahmad & Siti Salwa Md. Sawari (2017) adalah GPI membimbing murid dengan cara yang tersirat iaitu dengan menghadiahkan murid tudung serta pakaian yang menutup aurat. Guru juga boleh menggunakan pendekatan pujian bagi menggalakkan murid berasa lebih yakin untuk tampil menutup aurat. Mudah-mudahan usaha tersebut sedikit sebanyak membuka hati murid untuk menjalani *tazkiyyah jasadiyyah*. Selain itu, GPI juga digalakkan untuk melakukan *dakwah fardiyah* iaitu berbicara dari hati ke hati secara bersemuka dengan murid. Jika murid dapat memahami tujuan sebenar dalam menutup aurat, pastinya mereka lebih mudah untuk berubah ke arah *tazkiyyah jasadiyyah* secara rela hati. Namun, apa yang lebih penting, GPI perlulah bertindak sebagai *role-model* terlebih dahulu kepada murid. GPI perlulah menonjolkan *tazkiyyah jasadiyyah* melalui pemakaian yang syarie dan bersesuaian di samping menampilkan imej diri yang kemas.

Rentetan dari aspek *tazkiyyah* yang telah diperjelaskan di atas, dapat difahami bahawa tugas seorang *muzakki* itu adalah untuk menyucikan diri murid yang berada di bawah pimpinannya. Bermula dengan *tazkiyyah iktiqadiyyah*, murid akan memperolehi keteguhan iman dan kepercayaan yang benar. Setelah itu, barulah *muzakki* menumpukan kepada *tazkiyyah ruhiyyah* iaitu yang akan menyebabkan murid memperolehi ketenangan jiwa dan selamat dari segala sifat yang tercela. Berikutnya itu, pada zahir murid akan terpancar sinar akhlak yang terpuji dan terhindar dari melakukan gejala sosial yang diperolehi dari *tazkiyah akhlaqiyyah*. Kemuncaknya, murid yang disucikan oleh *muzakki* dari sudut *jasadiyyah* akan menampilkan dirinya di khalayak dengan penampilan yang sopan selaras dengan tuntutan agama. Tuntasnya, apa yang dizahirkan elok oleh murid adalah cerminan kepada apa yang dimiliki oleh batinnya yang luhur. Rajah 1 berikut boleh dirujuk bagi mendapat gambaran yang lebih jelas mengenai peranan GPI berdasarkan konsep *muzakki*:



Rajah 1. Peranan Guru Pendidikan Islam Berdasarkan Konsep Muzakki

## IMPLIKASI KAJIAN

Sebagai pewaris tugas mulia Nabi s.a.w sebagai pendidik, tidak keterlaluan jika dikatakan bahawa GPI sewajarnya melakukan pengamatan terhadap tugas *tazkiyyah* yang dilaksanakan oleh Baginda Nabi Muhammad s.a.w. Sekilas pandang, mungkin ada yang beranggapan bahawa *muzakki* hanyalah satu gelaran tambahan yang ditujukan buat para GPI selain lima gelaran yang sedia diketahui umum iaitu *muaddib*, *murabbi*, *mursyid*, *mu'allim* dan juga *mudarris*. Namun begitu, jika diperhalusi tafsiran terhadap tugas *tazkiyyah* yang dijalankan oleh Nabi Muhammad s.a.w. dalam ayat 151 surah al Baqarah, ayat 164 pada surah al-Imran dan juga ayat kedua dari surah Al-Jumu'ah, didapati bahawa tugas *tazkiyyah* lebih diutamakan dan mendepani tugas *ta'lim*. *Tazkiyyah* umpsama teras yang menaungi pelaksanaan peranan-peranan lain yang ditaklifkan kepada Baginda s.a.w.

Lebih jelas, dalam usaha menyempurnakan proses *tazkiyah* (penyucian iktiqad, jiwa dan akhlak), turut terkandung agenda *ta'dib* (penerapan adab), *irsyad* (membimbang ke jalan kebaikan) dan juga *tarbiyah* (didikan dengan kasih sayang) secara tidak langsung. Hanya selepas kesemua proses ini selesai, barulah proses mendidik intelektual berdasarkan konsep *ta'lim* (menyampaikan ilmu pengetahuan) dan *tadris* (pengajaran secara sistematis) dijalankan. Pengenalan kepada konsep *muzakki* yang diutarakan oleh kajian ini tidaklah bermaksud untuk menafikan tugas *tazkiyyah* yang mungkin sedia dimainkan oleh para GPI dalam konteks realiti semasa. Sebaliknya, ia bertujuan untuk membentangkan sebuah garis panduan khusus kepada guru agar mereka dapat menjalankan peranan sebagai *muzakki* terhadap para murid dengan lebih efisyen berdasarkan *tazkiyyah l'i'tiqadiyyah*, *tazkiyyah ruhiyyah*, *tazkiyyah akhlaqiyyah* dan *tazkiyyah jasadiyyah*. Dengan adanya garis panduan berkenaan konsep *muzakki* ini, diharapkan agar GPI dapat memaksimumkan penghayatan mereka berkenaan tanggungjawab untuk membendung sebarang keburukan yang berlaku dalam kalangan murid tanpa sedikitpun bersikap lepas tangan kepada pihak ibu bapa sahaja untuk membersihkan murid terbabit dari sebarang pengaruh negatif.

## KESIMPULAN

Artikel ini diharapkan dapat memberi suatu gambaran kepada para guru tentang konsep *muzakki* menurut perspektif al-Qur'an. *Muzakki* adalah manifestasi tugas yang dijalankan oleh Baginda Nabi Muhammad s.a.w. dalam menyucikan aqidah, rohani, akhlak dan pembawaan diri manusia dalam rangka usaha menjadikan manusia bersih dari segala bentuk dosa dalam bentuk yang lebih praktikal. Meskipun profesion GPI dianggap sebagai menyambung legasi tugas kenabian, akan tetapi gelaran *muzakki* bukanlah sesuatu yang mudah untuk dilaksanakan apatah lagi dipikul oleh setiap GPI. Ini kerana, ia menuntut GPI menjalankan *tazkiyyah* secara menyeluruh terhadap diri mereka terlebih dahulu sebelum mampu merefleksikan hal tersebut kepada murid di bawah pimpinan mereka. Namun yang demikian, paling tidak kajian ini sedikit sebanyak mampu membuka sudut pemikiran terhadap tugas-tugas hakiki yang perlu dihayati dan diaplikasikan dalam dunia perguruan Islam. Ringkasnya, *muzakki* perlu menghayati konteks tugasnya dengan sebenar-benar kefahaman agar generasi masa hadapan dapat dibimbing sebaiknya.

## RUJUKAN

- Abdul Majid al-Zendani. (2008). *Book of Tawheed: The Oneness of Allah*. Al-Firdous Ltd London.
- Abdul Malik Abdul Karim Amrullah (HAMKA). (2012). *Tafsir Al Azhar*. Singapura: Pustaka Nasional Pte Ltd.
- Abdul Rahman Nahlawi. (1983). *Ushulut Tarbiyah Islamiyah Wa Asalibiha Fil Baiti Wal Madrasati Wal Mughtama'*. Lebanon: Dar al-Fikr al-Mu'asyir.
- Abdullah Muhammad. (2004). *Tafsir Ibn Kathir*. Bogor: Pustaka Imam As-Syafi'i.
- Abu al-Fida' Isma'il Ibn Umar Ibn Katsir al-Quraisy al Dimasyqy. (t.t.). *Tafsir al-Qur'an al-Adzīm*. Dar al-Tayyibah.
- Abuddin Nata. (2010). Ilmu Pendidikan Islam. Indonesia: Kencana Prenada Media Group.
- Ahmad Rejab al-Asmar. (2001). *An-Nabiyyu al-Murabbi*. Irbid Jordan: Dar al-Furqan li-An-Nasr Wa-Tauzi'.
- Al-Imam Abu Hamid al-Ghazali. (1982). *Ihya' Ulum al-Din*. Jilid 3. Beirut: Dar al-Ma'rifah. *Al-Qur'an Al-Karim*.
- Azman Wan Chik. (1987). *Kaedah Hayati Amali*. Kuala Lumpur: Karya Bistari Sdn.Bhd.
- Habibah @ Artini Ramlie & Zaharah Hussin. (2014). Profesionalisme Perguruan Pendidikan Islam berdasarkan 'Riadhhah Ruhiyah' : Satu analisa keperluan, *The Online Journal of Islamic Education*, 2(1). 7-24.
- Ibn Miskawayh. (1961). *Tahdhīb al-Akhlāk*. Beirut: Maktabah al-Ḥayāt.
- Ibn Qayyim. (2001). *Tibr al-Qulūb*. Damsyiq: Dār al-Qalam.
- Kamarul Azmi Jasmi & Ab. Halim Tamuri. (2007). *Pendidikan Islam: Kaedah pengajaran & Pembelajaran*. Johor: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Khalifah Muhamad Ali, Zulkarnain Muhammad Ali, Shofian Ahmad & Mat Noor Mat Zain. (2017). Konsep dan Pihak yang Bertanggungjawab dalam Pengurusan Zakat. *Islamiyat*, 39(1). 3-9.
- M. Quraish Shihab. (2002). *Tafsir al-Mishbah*. Jakarta : Lentera Hati.
- Maliki. (2018). *Tafsir Ibn Katsir: Metode dan Bentuk Penafsirannya*. *El-Umdah Jurnal Ilmu al-Quran dan Tafsir, Volume 1(1)*.
- Mohamed Hamdan Abdullah, Fariza Md Sham, & A'dawiyah Ismail. (2018). Pendekatan motivasi dalam dakwah remaja. *Jurnal Hadhari*, 10(1), 77–92.
- Mohd Aizam Mas'od. (2012). Serangan ideologi barat terhadap pemikiran umat islam dan implikasinya kepada iman. *Jurnal Penyelidikan Islam. Volume 25*. 99-118.
- Mohd Musnizam Jaafar @ Mustapha, Ab. Halim Tamuri & Rohizan Ya. (2012). Konsep Berilmu di Kalangan Guru Pendidikan Islam Satu Keperluan dalam Membangunkan Modal Insan. *Seminar Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam*, 289-303.
- Muhamad Zahiri Awang Mat, Zariah Zakaria Zabariah Ahmad & Siti Salwa Md. Sawari. (2017). Kaedah Meningkatkan Kesedaran Menutup Aurat Dalam Kalangan Murid Sekolah Rendah. *Malaysian Journal For Islamic Studies*. Jilid 2.
- Noor Hafizah Mohd Haridi. (2016). Program Agama Di Pusat Pemulihan Akhlak Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM): Kajian Dari Aspek Pelaksanaan Dan Keberkesanan. *Tesis PhD*. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Osman Khalid, Muhammad Shukri Hamzah, Hasan Basri Awang Mat Dahan, Abdul Halim El-Muhammadi, Badrul Munir Muhammad Nor (et al.). (2006). *Kamus Besar Arab-Melayu Dewan (Al-Mu'jam Al-A'rabi Al-Malayuwi Al-Kabir)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sayyid Qutb. (2010). *Tafsir Fi Zilalil Qur'an: Di Bawah Bayangan Al-Qur'an*. Terjemahan Oleh Dato' Yusoff Zaky Hj. Yaacob. Kuala Lumpur: Pustaka Darul Iman Sdn. Bhd.
- Siti Rashidah Abd Razak, Haslina Hamzah & Zetty Nurzuliana Rashed. (2016). Cabaran Guru Pendidikan Islam Dalam Pembentukan Akhlak Pelajar. *Journal Of Social Sciences And Humanities, Special Issue (3)*, 100-110.
- Syafiqah Solehah Ahmad & Tengku Sarina Aini Tengku Kasim. (2017). Permasalahan Dan Cabaran Guru Pendidikan Islam (GPI) Dalam Membentuk Personaliti Dan Akhlak Pelajar: Satu Analisis Secara Kritis. *Proceedings Of The International Conference On Islam, Development And Social Harmony In Southeast Asia*, 1-15.
- Syihabuddin Abu Amru. (2003). *Al-Kamus Al-Munjid*. Beirut: Dar al-Fikr.
- Wahbah Az-Zuhaili. (2013). *Tafsir Al Munir*. Jakarta: Gema Insani.
- Zaharah Hussin. (2005). *Masalah Pendidikan*. Kuala Lumpur: Universiti Malaya.
- Zawati Awang. (2010). Pengajaran Komponen Adab Dan Akhlak Islamiah Dalam Pendidikan Islam Tingkatan Empat. *Tesis Master*. Fakulti Pendidikan. Universiti Malaya, Kuala Lumpur.